

NERVIT B FORTE TABLET

Thiamine Mononitrate/Pyridoxine HCl/Cyanocobalamin (250mg/250mg/1mg).

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nervit B Forte
2. Bagaimana Nervit B Forte berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nervit B Forte
4. Cara menggunakan Nervit B Forte
5. Semasa menggunakan Nervit B Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nervit B Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nervit B Forte

Nervit B Forte digunakan untuk gangguan saraf dan lain-lain masalah yang berkaitan dengan gangguan metabolisme sel saraf di mana vitamin B kompleks berdos tinggi memainkan peranan.

Bagaimana Nervit B Forte berfungsi

Thiamine adalah vitamin larut air. Ia adalah nutrien penting yang diperlukan untuk metabolisme karbohidrat dan terlibat dalam penghantaran isyarat saraf. Pyridoxine, vitamin larut air, terlibat terutamanya dalam metabolisme asid amino, tetapi ia juga terlibat dalam karbohidrat dan metabolisme lemak. Ia diperlukan untuk pembentukan hemoglobin.

Cyanocobalamin pula terlibat dalam pembentukan dan metabolisme asid amino (purin dan pyrimidine) dan dalam sintesis asid amino (nucleoprotein).

Sebelum menggunakan Nervit B Forte

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Nervit B Forte jika:

- Anda hipersensitif kepada vitamin B1, B6 atau B12.
- Anda sedang menjalani terapi Levodopa.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

Jika anda sedang menyusukan anak, rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini. Ini kerana Thiamine diedarkan secara meluas kepada kebanyakan tisu badan dan boleh didapati dalam susu ibu. Pyridoxal dan cyanocobalamin melintasi plasenta dan juga boleh didapati dalam susu ibu.

- Sebelum menggunakan Nervit B Forte

Anda perlu berunding dengan doktor atau ahli farmasi jika anda:

- Menjalani rawatan untuk neuropati optik (kehilangan penglihatan) yang berkaitan dengan kepekatan plasma tinggi cyacobalamin.
- Cyanocobalamin tidak boleh diberikan sebelum diagnosis belum dikenali dengan sepenuhnya. Ini kerana kemungkinan gejala untuk kemerostan subakut pada saraf tunjang.
- Penggunaan jangka panjang dan dos tinggi Pyridoxine dikaitkan dengan kerosakan teruk pada saraf yang membawa mesej ke dan dari otak dan saraf tunjang.
- Mempunyai megaloblastic anemia (sel darah merah yang lebih rendah daripada biasa) untuk orang yang hamil

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil:

- Loop diurectics (furosemide, acid ethacrynic dan Bumetanide)
- Phenobarbital dan phenytoin (untuk merawat sawan).
- Hydralazine (untuk merawat tekanan darah tinggi), isoniazid (digunakan untuk merawat penyakit bakteria berjangkit yang selalunya mempengaruhi paru-paru) , penicillamine (digunakan untuk merawat gangguan metabolisme kuprum, kepekatan asid amino cystine, sejenis unit pembinaan protein yang tinggi dalam air kencing, radang dalam sendi) dan oral contraceptives.
- Neomycin(digunakan untuk mengurangi risiko infeksi setelah operasi usus), aminosalicyclic

acid, histamine H₂-antagonists (untuk merawat ulser), metformin (untuk merawat kencing darah manis),para-aminosalicylic acid, potassium chloride, colchicines (untuk merawat gout).

- Proton pump inhibitors (lansoprazole, omeprazole, pantoprazole and rabeprazole).
- Cholestyramine and colestipol (digunakan untuk mengurangkan tahap kolesterol dalam darah)
- Anesthetic Agent (Nitrous oxide).
- Antibiotics.
- Pengambilan seiring thiamine dengan makanan yang mengandungi sulfida boleh menyahaktifkan thiamine.
- Pengambilan seiring thiamin dengan teh, kopi dan kopi tanpa kafein boleh menyahaktifkan thiamin.
- Pyridoxine mengurangkan aktiviti alteramine (digunakan untuk merawat kanser ovari)

Cara menggunakan Nervit B Forte

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ianya mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Dos terapeutik:

Ambil 2-3 tablet setiap hari selepas makan selama 7-10 hari.

Penyelenggaraan dos:

Satu tablet setiap hari selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet selepas makan

- Berapa lama perlu digunakan

Seperti dos yang di cadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga masa mengambil dos dan kemudian sambung dos seterusnya seperti biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengganti dos yang tertinggal itu.

NERVIT B FORTE TABLET

Thiamine Mononitrate/Pyridoxine HCl/Cyanocobalamin (250mg/250mg/1mg).

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat serta-merta.

Rawatan sokongan dan untuk gejala akan diberikan.

Semasa menggunakan Nervit B Forte

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil dos anda betul-betul seperti yang diberikan dalam risalah tersebut.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Nervit B Forte.

Dapatkan nasihat doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Nervit B Forte.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berikan Nervit B Forte kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan mesin

Produk ini tidak memberi kesan kepada keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Nervit B Forte boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapat kesan tersebut.

Kesan sampingan adalah alahan.

Penggunaan jangka panjang dan dos tinggi Pyridoxine (melebihi 2g tiap-tiap hari) dikaitkan dengan kerosakan teruk pada saraf yang membawa mesej ke dan dari otak dan saraf tunjang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ini Nervit B Forte.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Nervit B Forte

- Penyimpanan
Simpan di tempat yang kering di bawah 30°C. Pastikan botol ditutup ketat.

- Pelupusan
Produk tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan Nervit B Forte yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Satu tablet berwarna merah jambu berbentuk bulat bersalut filem dengan 13mm diameter.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Thiamine Mononitrate
 - Pyridoxine HCl
 - Cyanocobalamin
- Bahan tidak aktif
 - Magnesium stearate
 - Microcrystalline Cellulose
 - Colloidol Silicon Dioxide
 - Ponceau 4R Lake
 - Sodium Starch Glycolate
 - Isopropyl Alcohol
 - Polyethylene glycol
 - Lactose Monohydrate
 - Talc
 - Hydroxypropyl Methyl Cellulose
 - Propylene Glycol
 - Titanium Dioxide
 - Ethyl Cellulose

- Nombor MAL
MAL06121072XZ

Pengilang

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off, Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off, Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/05/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)26052017/00115